

Rayuan pembunuh Altantuya ke mahkamah bulan depan
MalaysiaKini.com
January 28, 2012
John Berthelsen

Rayuan dua pengawal peribadi dalam unit elit polis Malaysia yang dijatuhkan hukuman mati dua tahun sembilan bulan lalu selepas didapati bersalah terhadap tuduhan membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu pada 2006, dijadual ke Mahkamah Rayuan bulan depan.

altantuya razak baginda murder 110707 sirul escorted Rayuan itu akan dikemukakan untuk pengurusan kes di mana mahkamah akan menetapkan tarikh pendengarannya.

Dua pengawal peribadi tersebut ialah Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar Umar (kanan).

Azilah dan Sirul berkhidmat sebagai pengawal peribadi dalam unit polis elit yang diselia oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, yang merupakan timbalan perdana menteri ketika itu.

Ia terus menghantui Najib yang menjadi perdana menteri pada 2009 kerana penulis blog dan wartawan dari Perancis dan negara-negara lain terus mempersoalkan penglibatannya.

military malaysia navy french built submarine scorpene class Turut dihadapkan ke mahkamah, tetapi kemudiannya dibebaskan tanpa dipanggil membela diri ialah kekasih Altantuya ketika itu - penganalisis politik, Abdul Razak Baginda - yang juga rakan karib Najib.

Altantuya berusia 28 tahun ketika itu dilaporkan terbabit dalam pembelian dua kapal selam Perancis oleh Malaysia dan pajakan untuk yang ketiganya.

Altantuya dilaporkan menjadi penterjemah dalam pembelian tersebut, yang membabitkan wang pembayar cukai Malaysia sebanyak 1 bilion euro (AS\$329.1 bilion mengikut nilai semasa dolar). - Asia Sentinel

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/187663>